



MAJLIS GURULATIH KEBANGSAAN

Rujukan kami : PSSGM/MGK/(4)
Tarikh : 10 November 2020
24 Rabiul Awal 1442H

Jawatankuasa Kecil
Majlis Gurulatih Kebangsaan

Tuan ,

JADUAL KERJA JAWATANKUASA KECIL MAJLIS GURULATIH KEBANGSAAN SESI 2020-2022

Majlis Gurulatih Kebangsaan mendoakan semoga tuan / puan semua sentiasa diberkati dan dianugerahkan kesihatan dalam menjalankan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan cemerlang.

2. Hasil keputusan mesyuarat Majlis Gurulatih Kebangsaan yang telah diadakan pada 1 November 2020 memutuskan untuk membentuk empat (4) jawatankuasa kecil bagi memastikan perjalanan dan pengurusan Majlis Gurulatih berjalan dengan lancar dan tersusun serta dapat mencapai hasrat dan halatuju penubuhan Majlis Gurulatih Kebangsaan.

3. Sehubungan dengan itu, Majlis Gurulatih Kebangsaan telah merangka jadual kerja jawatankuasa kecil yang berkenaan bagi memastikan fungsi dan agenda setiap jawatankuasa kecil tersebut dapat dipenuhi. Disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang dilaksanakan oleh kerajaan, Majlis Gurulatih Kebangsaan menyarankan untuk ahli-ahli jawatankuasa kecil bermesyuarat secara bersemuka jika tidak melibatkan sebarang pelanggaran Prosedur Operasi Standard PKPB atau secara dalam talian dengan menggunakan kemajuan teknologi serta kemudahan platform yang bersesuaian bagi membolehkan interaksi secara bersemuka dan berlaku secara dalam talian.

RANGKA MASA	PERKARA
9 – 20 November	Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Kecil : Perbincangan awal aktiviti/program
21 – 30 November	Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kecil : Perbincangan susulan aktiviti/program
1 – 20 Disember	Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Kecil : : Penetapan akhir aktiviti/program
21 – 30 Disember	Pembentangan dalam Mesyuarat Majlis Gurulatih Kebangsaan

**PER : JADUAL KERJA JAWATANKUASA KECIL MAJLIS GURULATIH KEBANGSAAN
SESI 2020-2022**


Rujukan kami : PSSGM/MGK/(4)
Tarikh : 10 November 2020

4. Majlis Gurulatih Kebangsaan mengucapkan jutaan terima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan pihak tuan dalam memastikan perjalanan jadual kerja ini berjalan mengikut rangka masa yang ditetapkan.

Sekian. Terima kasih.

“SEMOGA GAYONG LEBIH BERINTEGRITI”

Yang benar,



MOHD ZAMIR BIN HJ MOHD SHARIF *BKT,PJK,PBB*

Setiausaha

Majlis Gurulatih Kebangsaan

Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia

Salinan kepada :

1. YBhg Dato' Ismail bin Hj Jantan
Pengerusi
Majlis Gurulatih Kebangsaan
2. Setiausaha Agung
Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia
3. Jawatankuasa Majlis Gurulatih Kebangsaan

LAMPIRAN : SENARAI AHLI JAWATANKUASA KECIL MAJLIS GURULATIH
KEBANGSAAN DAN BIDANG TUGAS

1. JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN GURULATIH

- En. Shaiful Hakim bin Mohamad Nor
- En. Faiezal Azmi bin Mohd Yusop
- En. Mohd Yasir bin Mohd Yahya

BIDANG TUGAS

Merancang, menyediakan kertas kerja dan melaksanakan sebarang program yang melibatkan pembangunan kegurulatihan seperti kursus, seminar atau bengkel yang merangkumi pelajaran, kaedah pengujian bengkong dan *soft skill* yang diperlukan untuk gurulatih.

2. JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN MURID

- En. Mohammad Said bin Nordin
- En. Shamsool bin Yaacob
- En. Mohd Zamir bin Hj Mohd Sharif

BIDANG TUGAS

Merancang, menyediakan kertas kerja dan melaksanakan sebarang program yang melibatkan pembangunan murid seperti kursus, seminar atau bengkel yang merangkumi sukatan pelajaran dan *soft skill* yang diperlukan untuk murid bersesuaian dengan kehendak keperluan masa kini.

3. JAWATANKUASA KECIL KEJOHANAN

- Tn. Hj Sani bin Morni
- En. Zulkafli bin Yusof
- En. Che Mansur bin Mat

BIDANG TUGAS

Merancang, menyediakan kertas kerja dan melaksanakan kejohanan bagi murid-murid Gayong bagi menyediakan mereka dengan keperluan dan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi terutama dalam bidang kokurikulum disamping memeriahkan dan mempelbagaikan aktiviti-aktiviti persilatan.

4. JAWATANKUASA KECIL PELAJARAN DAN PENILAIAN

- Dr. Norazman bin A. Aziz
- En. Ibrahim bin Yasok
- En. Aminudin bin Ahmad
- En. Roszaidi bin Yusof
- En. Farady bin Omar

BIDANG TUGAS

Mengkaji, merancang, menyediakan kertas kerja serta melaksanakan penyeragaman sukatan pelajaran serta sistem penilaian kenaikan bengkong seluruh Malaysia.